



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**BIL. 4 TAHUN 2017**

---

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN  
KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI DAN KERETA SEWA  
DAN  
SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BANTUAN GERAN TUNAI UNTUK PEMBELIAN  
KENDERAAN BAGI PEMOHON LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN KENDERAAN  
PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI DAN KERETA SEWA**

**TARIKH: 31 MAC 2017**

Semua pemohon Lesen Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi dan Kereta Sewa

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN  
KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI DAN KERETA SEWA  
DAN  
SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BANTUAN GERAN TUNAI UNTUK PEMBELIAN  
KENDERAAN BAGI PEMOHON LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN KENDERAAN  
PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI DAN KERETA SEWA**

**1.0 TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:-

- (a) Keputusan pembukaan permohonan baharu Lesen Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi dan Kereta Sewa (“Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi dan Kereta Sewa”) kepada pemohon individu;
- (b) Syarat-syarat kelayakan bagi pemohon individu yang ingin memohon Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa;
- (c) Syarat kelayakan bantuan geran tunai Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 10 Ogos 2016 dan yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2017; dan
- (d) Garis panduan pemberian bantuan geran tunai tersebut kepada pemohon individu yang memohon Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa.

## **2.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

**2.1 Berikutan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan S.P.A.D. Bil.9/2016 pada 1 September 2016, Bil.11/2016 pada 8 Disember 2016 dan Bil.1/2017 pada 10 Januari 2017, perkara-perkara berikut telah ditetapkan:**

- (a) Butiran pembukaan permohonan baharu Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi dan Kereta Sewa kepada pemohon individu seperti di Bahagian 1;
- (b) Syarat-syarat kelayakan bagi pemohon individu yang ingin memohon Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa seperti di Bahagian 2; dan
- (c) Syarat-syarat bagi mendapatkan bantuan geran tunai oleh pemohon individu yang telah memohon Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa seperti di Bahagian 3.

### **2.2 Bahagian 1**

- (a) Permohonan baharu bagi Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi dan Kereta Sewa dibuka semula bermula pada 1 September 2016.
- (b) Permohonan Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa terbuka kepada pemohon yang pernah memandu teksi atau kereta sewa dengan pengendali berlesen.

## **2.3 Bahagian 2**

- (a) Syarat-syarat kelayakan bagi pemohon individu yang ingin memohon Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa (“Pemohon Individu”) adalah seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia;
  - ii. berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) sebagai Milikan Tunggal atau Perkongsian;
  - iii. memiliki lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (*public service vehicle licence*) (“PSV”) yang masih sah semasa permohonan dibuat;
  - iv. memiliki Kad Pemandu yang masih aktif atau mempunyai kad pemandu yang telah tamat tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh permohonan dibuat;
  - v. mempunyai pengalaman memandu Teksi atau Kereta Sewa sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
  - vi. tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa semasa permohonan dibuat;
  - vii. tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah; dan
  - viii. tidak diisyiharkan muflis.

## **2.4 Bahagian 3**

- (a) Pemohon individu yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan di Bahagian 2 adalah layak untuk mendapatkan bantuan geran tunai sekiranya:
- i. memiliki Kad Pemandu yang masih aktif atau mempunyai kad pemandu yang telah tamat tempoh tidak melebihi satu (1) tahun dari tarikh permohonan Lesen Pengendali dibuat; dan
  - ii. telah tamat kontrak pajak berkenaan sewa beli kenderaan dengan pengendali berlesen bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun sebelum tarikh permohonan Lesen Pengendali Kelas Teksi atau Kereta Sewa dibuat.
- (b) Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan untuk mendapatkan bantuan geran tunai adalah seperti berikut:
- i. salinan kontrak sewa beli kenderaan yang telah luput; atau
  - ii. surat pengesahan penamatan kontrak pajak sewa beli dari pengendali berlesen.
- 2.5 Ringkasan proses mendapatkan Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa dan bantuan geran tunai sebanyak RM 5,000.00 untuk tujuan pembelian kenderaan digambarkan seperti di Lampiran.

3.0

4.0

## **5.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling ini terpakai bagi semua pemohon Lesen Pengendali Individu Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa di bawah Program Transformasi Industri Teksi (“TITP”).

## **6.0 TARIKH KUATKUASA**

Arahan Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 31 Mac 2017.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**31 Mac 2017**

## Lampiran

Ringkasan proses mendapatkan Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi atau Kereta Sewa dan bantuan geran tunai sebanyak RM5,000 untuk tujuan pembelian kenderaan:

